

# PANDUAN KEBERSIHAN DIRI PENGENDALI MAKANAN

PERATURAN 33,  
PERATURAN-PERATURAN  
KEBERSIHAN MAKANAN  
2009



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
**Bagian Keselamatan dan Kualiti Makanan**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**  
Aras 3, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya  
Tel : 03 - 8883 3558 • Faks : 03 - 8889 3815  
Laman Web : <http://fsq.moh.gov.my>



## PENGENALAN

Pengendali makanan adalah merupakan di antara penyumbang utama pencemaran makanan

Oleh itu, pengendali makanan hendaklah sentiasa mengekalkan kebersihan diri.

### OBJEKTIF

Risalah ini disediakan sebagai panduan kepada pihak industri mengenai keperluan kebersihan diri pengendali makanan seperti yang dikehendaki di dalam Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

### DENDA

Mana-mana pengendali makanan yang tidak mematuhi peraturan ini adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi SEPULUH RIBU RINGGIT (RM10,000) atau penjara tidak melebihi DUA (2) tahun.



### Keperluan Kebersihan Diri

Pengendali makanan semasa mengendali, menyediakan, membungkus, membawa, menyimpan, mempamer dan menghidang makanan hendaklah memastikan perkara tersebut :

- Basuh tangan sebelum memulakan kerja, selepas menggunakan tandas, selepas kendali bahan mentah atau bahan tercemar.
- Rambut mestilah kemas dan memakai penutup kepala.
- Kuku pendek dan bersih.
- Tidak memakai perhiasan diri contoh : jam, gelang, cincin.
- Dilarang mengisi apa-apa barang di dalam poket pakaian termasuk apron.
- Sentiasa menjaga kebersihan diri.
- Menanggalkan baju luar/ apron/ penutup kepala sebelum ke tandas dan setiap kali keluar dari kawasan pemprosesan/ penyediaan makanan.
- Tidak menyebabkan pencemaran makanan contoh : bersin, batuk, meludah, menggaru.
- Tidak merokok.
- Misai dan janggut dikemas rapi.